

Penyelidik Muda UMP kian bersinar

– Norashikin

PROFIL

Nama: Norashikin binti Mat Zain
Tarikh Lahir: 7 April 1982
Tempat Lahir: Kangar, Perlis Indera Kayangan

Pendidikan:
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bioproses dan Ijazah Kejuruteraan Kimia (Bioproses) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor

Jawatan:
Pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP

Pencapaian dan kejayaan:

- Johan Anugerah Belia Negara 2010 Peringkat Negeri Pahang
- Finalis Harta Intelek Negara 2010
- Johan Kategori Wanita Inovasi Zon Timur Malaysia Inovatif 2010
- Anugerah Cendekia Bitara 2010
- Anugerah Sanjungan Penyelidikan 2010
- Anugerah Sanjungan Paten 2010
- Pingat Emas, ITEX 2010
- Pingat Emas ITEX 2009
- Anugerah Khas, Henry Goh Award Best Invention in Environmental Innovation, ITEX 2009
- Pingat Emas BIS 2009, London, UK
- Anugerah Khas, Diamond Award for Natural Earth BIS 2009 London, UK
- Anugerah Khas, Platinum Award for Consumer BIS 2009 London, UK

Keluaran *Create* kali ini, ruangan personaliti pilihan berpeluang mendekati seorang penyelidik muda wanita Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang makin meningkat namanya. Beliau adalah antara penyelidik termuda yang begitu banyak meraih anugerah sama ada dalam negara atau luar negara. Beliau yang dimaksudkan ialah Norashikin binti Mat Zain, 28, yang telah memenangi Anugerah Belia Negara 2010 Peringkat Negeri Pahang baru-baru ini.

Walaupun agak sibuk dengan kekangan tugas sebagai seorang pensyarah dan juga penyelidik, namun Norashikin seorang yang bijak mencuri sedikit masa berharga beliau untuk ditemu bual khas bagi keluaran *Create* pada kali ini.

Menjawab jawatan sebagai seorang pensyarah, Norashikin memulakan tugasannya di Jabatan Bioteknologi, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 4 Julai 2006. Walaupun baharu berkhidmat selama empat tahun di UMP, namun beliau amat dikenali hasil daripada produk penyelidikannya yang telah banyak memenangi anugerah sama ada di dalam negara atau luar negara.

Anak jati kelahiran Kangar, Perlis ini telah dikurniakan seorang cahaya mata hasil perkongsian hidup dengan suaminya yang juga merupakan salah seorang pensyarah dan penyelidik UMP. Walaupun agak sibuk dengan tugas hakiki di UMP dan di rumah, namun ia

tidak menghalang penyelidik muda ini untuk terus melakar kejayaan dalam dunia akademiknya.

Kerjaya sebagai pensyarah dan penyelidik perlu seiring

Menurut Norashikin, kerjaya sebagai pensyarah telah membuka peluang kepada beliau untuk menjalankan aktiviti penyelidikan yang merupakan sebahagian daripada tugas hakiki beliau. Peruntukan penyelidikan yang diterimanya merupakan langkah pertama beliau untuk mula aktif dan menjinakkan diri dalam dunia penyelidikan di UMP.

Alumni Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor ini mengakui idea produk beliau selama ini adalah hasil daripada penyelidikan yang pernah dilakukan semasa menyambung pengajian peringkat sarjana dalam bidang Kejuruteraan Bioproses yang melibatkan penggunaan teknologi membran.

Bermula dari situlah, beliau mula mendapat suntikan idea bagi menghasilkan Filem Boleh Urai (*Biodegradable Film*) yang menggunakan bahan semula jadi sebagai bahan asasnya. Beliau mendapati banyak bahan buangan yang dihasilkan daripada aktiviti pertanian dan dibiarkan begitu sahaja. Beliau mendapat cetusan idea tersebut untuk mengitar semula bahan buangan pertanian bagi menghasilkan sesuatu produk yang lebih bermanfaat kepada semua.